



## **SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

---

### **PENUTUPAN TABUNG HARAPAN MALAYSIA PADA 31 DISEMBER 2018**

---

Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menutup Akaun Amanah Tabung Harapan Malaysia (THM) pada 31 Disember 2018, setelah tujuh bulan ditubuhkan.

Sehubungan itu, Jabatan Audit Negara akan mengaudit Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah THM bagi memastikan pengurusan THM dibuat secara teratur dan berintegriti. Pelantikan firma audit luaran oleh Kementerian Kewangan bagi tujuan mengaudit akaun THM juga dibuat selaras dengan Seksyen 7 Akta Audit 1957. Ini adalah kerana Tabung Harapan Malaysia melibatkan dana yang disumbang oleh rakyat untuk membayar hutang negara yang mencecah RM1 Trilion ekoran skandal 1MDB, dan Kerajaan komited untuk terus telus dengan setiap sen yang diterima.

Jumlah terkumpul THM sehingga 29 Oktober 2018 jam 3.00 petang adalah sebanyak RM196,322,746.30 yang merangkumi sumbangan yang diterima daripada mana-mana orang, organisasi atau badan serta faedah daripada pelaburan simpanan tetap yang ditadbir oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Kami juga merafak sembah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V di atas sumbangan baginda kepada THM.

Walaupun jumlah yang disumbang oleh rakyat Malaysia dari hasil titik peluh mereka masih tidak boleh dibanding dengan hutang RM1 Trilion yang diwarisi Kerajaan Pakatan Harapan akibat skandal-skandal kewangan seperti 1MDB, THM akan kekal menjadi simbol semangat taat setia dan patriotisme rakyat Malaysia untuk melangsaikan hutang negara. Semenjak penubuhannya, pelbagai peringkat masyarakat telah memberikan sumbangan melalui pelbagai kaedah sebagai menzahirkan solidariti rakyat bersama Kerajaan dalam memastikan kedudukan kewangan Negara bertambah baik.

Keikhlasan Kerajaan untuk memastikan sumbangan THM adalah berdasarkan keprihatinan kepada situasi hutang negara dicerminkan dengan penolakan tawaran sebuah syarikat negara asing untuk menderma RM100 Juta kerana disyaki ada niat tertentu di sebalik sumbangan tersebut.

THM ditubuhkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan pada 30 Mei 2018 untuk menerima dan memperakaunkan wang derma dan sumbangan daripada mana-mana orang perseorangan dan syarikat bagi membantu kerajaan menangani isu hutang negara.

Selaras dengan perkara tersebut, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Mei 2018 telah bersetuju dengan penubuhan THM di bawah peruntukan subseksyen 9(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61).

Dengan ini, semua rakyat Malaysia yang ingin menghulurkan derma bolehlah melakukannya sebelum 31 Disember 2018. Pihak Kerajaan mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penderma THM yang mendukung pentadbiran kewangan bersih yang bebas dari amalan rasuah.

**Sayangi Malaysiaku!**

**Lim Guan Eng**  
**Menteri Kewangan**  
**Kementerian Kewangan Malaysia**  
**Putrajaya**  
**29 Oktober 2018**